

PRESS RELEASE

10 SEPTEMBER 2025

ALAM FLORA WINS ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY EXCELLENCE AWARD

Kuala Lumpur, 10 September 2025 – Alam Flora Sdn. Bhd (Alam Flora) a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad, added another feather to its cap when it won the Environmental Sustainability Excellence Award at WMAM 20th Anniversary Awards Dinner, organised by the Waste Management Association of Malaysia (WMAM) recently.

The prestigious award was presented by Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah Mohd Sharif, Mayor of Kuala Lumpur, to Alam Flora's Chief Executive Officer, Shariman Yusuf Mohamed Zain, during a ceremony held at Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur.

Commenting on the award win, Shariman said that he takes pride in representing more than three thousands of Warga Alam Flora who have been diligently working daily and at times even beyond the normal working hours, in ensuring a sustainable living environment for all to live in.

"The winning will further spur our continued commitment to sustainable waste management. This recognition reflects the hard work and dedication of our team in driving innovative, scalable and community-focused solutions. We are honoured to be acknowledged for our efforts in advancing Malaysia's environmental goals and circular economy vision."

Alam Flora's submission stood out for its measurable impact in 2024, including the management of over 1.17 million tonnes of municipal waste and the recovery of 7,026.7 tonnes of recyclables, marking a 15% increase from the previous year. The company also implemented a zero-leachate discharge system at the Pulau Pangkor incinerator, reducing flue gas temperatures by up to 800°C and eliminating groundwater contamination risks. Energy optimisation efforts across key sites led to savings of 8.6 million kWh, equivalent to RM3.28 million under EMEER 2008.

Beyond environmental performance, Alam Flora conducted over 300 outreach programmes across schools, corporates, and government agencies, promoting recycling and public health. Its flagship initiatives, the Fasitili Inovasi Kitar Semula (FIKS) in Putrajaya and the Recovery Initiative Sustainable Eco-Friendly in Kuala Lumpur (RISE KL), combine infrastructure with education and innovation. FIKS offers modular recycling and learning

facilities with economic incentives, while RISE KL is a semi-automated materials recovery facility capable of processing 50 tonnes of dry waste daily, with future-ready AI capabilities.

“This award is not just a milestone, but a motivation for us to continue pushing boundaries and we remain committed to building a cleaner, greener Malaysia through collaboration, technology and community empowerment. It is also in line with the United Nations’ Sustainable Development Goals no. 12 and Malaysia’s low-carbon development goals, offering a replicable model for sustainable waste management nationwide,” conclude Shariman.

This achievement also coincides with Malakoff’s 50th anniversary, marking five decades of excellence in driving sustainable development and environmental stewardship across Malaysia.

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) is largest environmental management companies in Malaysia that is dedicated to serving communities to manage and reduce waste with minimal environmental impact. Alam Flora is a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad. Being one of the largest concession holders of Malaysia’s national solid waste management and public cleansing privatisation project, Alam Flora provides comprehensive waste management services to several concession areas in certain regions of Peninsular Malaysia, the Federal Territory of Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Terengganu and Kelantan.

For more information, please contact:

Farizan Hj. Yop |Assistant Manager, Corporate Communications & Branding

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

SIARAN MEDIA

10 SEPTEMBER 2025

ALAM FLORA TERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN KELESTARIAN ALAM

Kuala Lumpur, 10 September 2025 - Alam Flora Sdn. Bhd (Alam Flora) anak syarikat Malakoff Corporation Berhad, menambah satu lagi pencapaian membanggakan apabila memenangi Anugerah Kecemerlangan Kelestarian Alam Sekitar sempena Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-20 WMAM, yang dianjurkan oleh Waste Management Association of Malaysia (WMAM) baru-baru ini.

Anugerah berprestij ini telah disampaikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah Mohd Sharif, kepada Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain, dalam satu majlis yang berlangsung di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Mengulas mengenai kemenangan ini, Shariman menyatakan bahawa beliau berbangga mewakili lebih daripada tiga ribu Warga Alam Flora yang bekerja keras setiap hari, malah kadangkala melebihi waktu kerja biasa, demi memastikan persekitaran hidup yang lestari untuk semua.

"Kemenangan ini akan terus mendorong komitmen kami dalam pengurusan sisa secara mampan. Pengiktirafan ini mencerminkan usaha gigih dan dedikasi pasukan kami dalam melaksanakan penyelesaian yang inovatif, berskala dan berfokus kepada komuniti. Kami amat berbesar hati kerana usaha kami dalam menyokong matlamat alam sekitar negara dan visi ekonomi kitaran telah diiktiraf."

Penyertaan Alam Flora menyerlah melalui impak yang boleh diukur pada tahun 2024, termasuk pengurusan lebih 1.17 juta tan sisa pepejal dan pemulihan sebanyak 7,026.7 tan bahan kitar semula, peningkatan sebanyak 15% berbanding tahun sebelumnya. Syarikat turut melaksanakan sistem "*zero leachate discharge*" di insinerator Pulau Pangkor, yang berjaya menurunkan suhu gas serombong sehingga 800°C dan menghapuskan risiko pencemaran air bawah tanah. Usaha pengoptimuman tenaga di beberapa lokasi utama telah menjimatkan sebanyak 8.6 juta kWh, bersamaan RM3.28 juta di bawah EMEER 2008.

Selain prestasi alam sekitar, Alam Flora turut melaksanakan lebih daripada 300 program kesedaran awam melibatkan sekolah, sektor korporat dan agensi kerajaan, bagi

mempromosikan amalan kitar semula dan kesihatan awam. Inisiatif utama seperti Fasilitas Inovasi Kitar Semula (FIKS) di Putrajaya dan *Recovery Initiative Sustainable Eco-Friendly* (RISE KL) di Kuala Lumpur menggabungkan infrastruktur dengan pendidikan dan inovasi. FIKS menawarkan kemudahan pembelajaran dan kitar semula modular yang disertakan insentif ekonomi, manakala RISE KL merupakan fasiliti pemulihan bahan separa automatik yang mampu memproses sehingga 50 tan sisa kering sehari, dengan keupayaan teknologi AI pada masa hadapan.

“Anugerah ini bukan sekadar satu pencapaian, tetapi juga dorongan untuk kami terus melangkaui batasan dan kekal komited untuk membina Malaysia yang lebih bersih dan hijau melalui kerjasama, teknologi dan pemeraksanaan komuniti. Ia juga selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari PBB yang ke-12 serta aspirasi pembangunan rendah karbon negara, dan menawarkan model yang boleh digunapakai untuk pengurusan sisa lestari di seluruh negara,” kata Shariman.

Pencapaian ini juga bertepatan dengan sambutan ulang tahun ke-50 Malakoff, yang menandakan lima dekad kecemerlangan dalam memacu pembangunan lestari dan pemeliharaan alam sekitar di seluruh Malaysia.

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penajaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan sebuah syarikat konsesi terbesar dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terbesar di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my